

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

3. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf servis feri dalam tempoh 5 tahun ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri pernah mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pengangkutan pada awal tahun 2016 untuk mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang. Setelah Kerajaan Negeri meneliti beberapa dokumen dan maklumat tambahan yang diperolehi hasil daripada perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menangguh keputusan mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri ini.

Kini, perkhidmatan feri Pulau Pinang telah diambil alih oleh Prasarana Malaysia Berhad dan dioperasikan oleh Rapid Feri Sdn Bhd. Beberapa penambahbaikan telah dilakukan oleh pihak Rapid Feri antaranya sistem kaunter tiket yang lebih teratur dan cadangan pemasangan *Passenger Information System* bagi memudahkan penumpang mengetahui masa ketibaan dan pelepasan feri. Kerajaan Negeri akan mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Rapid Feri dalam usaha untuk menaiktaraf sistem pengangkutan feri Pulau Pinang.